

19/06/1999

Debat pentas luah perasaan

Bakhari Ariff

DEBAT Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1999 awal minggu ini yang menghimpunkan wakil pertubuhan politik kerajaan dan pembangkang serta wakil mahasiswa berlaku dalam suhu yang agak panas. Dengan tajuk 'Wajarkah Mahasiswa Berpolitik', lebih 5,000 peserta pada malam itu seakan-akan sepakat mewajarkan mahasiswa terbabit dalam politik.

Secara umum, semua ahli panel setuju supaya mahasiswa dibenarkan berpolitik, tetapi bagi ahli panel yang cenderung kepada kerajaan meminta supaya mahasiswa hanya dibenarkan berpolitik dalam kampus.

Wakil Pemuda Umno, Zein Isma Ismail dan Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim bersetuju supaya berpolitik hanya dibenarkan dalam kampus yang hanya membabitkan politik dalam pemilihan ahli jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, Naib Ketua Pemuda Parti KeADILan Nasional (KeADILan), Mustaffa Kamil Ayub dan Presiden Gabungan Mahasiswa Islam (Gamis), Zaharuddin Abdul Rahman pula berpendapat, mahasiswa perlu diberi peluang kebebasan sepenuhnya untuk berpolitik, hatta di luar kampus.

Jika debat itu boleh dianggap sebagai satu permainan, permainan itu boleh dikatakan tidak seimbang mungkin kerana penganjur 'sengaja' mencari tiga ahli panel yang tentunya cenderung mendesak mahasiswa dibenarkan bergiat dalam politik, manakala dua lagi lebih memihak kepada 'suara' kerajaan.

Debat anjuran Persatuan Kakitangan Akademik UKM (PKAUKM) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa UKM (PMUKM) pada mulanya dihasratkan berlaku dalam suasana ilmiah dengan iklim intelektual, tetapi akhirnya menjadi debat emosional - suasana yang biasa kelihatan di ceramah parti pembangkang.

Pengerusi majlis yang juga Yang Dipertua PKAUKM, Profesor Madya Dr Wan Mokhtar Wan Yusof hampir gagal mengawal majlis bukan saja kerana bilangan peserta yang memenuhi setiap ruang Dewan Canselor Tun Abdul Razak, tetapi dengan sorakan sehingga sebaik saja Zein dan Suhaimi bangun berucap, seluruh dewan menjadi hingar-bingar.

"Kita mahu majlis itu berlaku dalam suasana yang penuh sopan dan iklim intelektual," kata Dr Wan Mokhtar sebelum memulakan majlis debat tetapi akhirnya majlis tidak juga terkawal, tetapi sebaik saja Mahfuz atau Zaharuddin memulakan ucapan, majlis berlangsung dengan senyap lagi bersopan.

Oleh itu, hujah setiap ahli panel tidak dapat dikunyah dengan baik bagi setiap peserta, malah soalan yang diajukan juga kelihatan penuh emosi dan berulang-ulang, meskipun ahli panel berkenaan sudah menjawabnya.

Misalnya, seorang siswa tahun akhir, Mohd Yusof Taha dari Fakulti Ekonomi UKM membangkitkan soalan wajarkah Akta Universiti dan Kolej 1971 (AUKU) dipinda yang dikatakan menggari dan menyekat sehingga mahasiswa menjadi lesu?

Tidak sedikit soalan yang menyalahkan AUKU termasuk siswa dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Shahiman Badri. Beliau turut bersama-sama dengan suara pelajar lain dalam dewan berkenaan yang menyalahkan AUKU.

Seorang peguam, Kamar Ainiyah yang turut menjadi peserta bertanya soalan yang sama tetapi sedikit berfakta. Misalnya, beliau membangkitkan Fasal 10 Perlembagaan Negara yang menjamin hak kepada setiap orang termasuk mahasiswa dan Seksyen 15 AUKU yang juga membenarkan mahasiswa terbabit dalam persatuan dan politik, asalkan mendapat kebenaran Naib Canselor

universiti.

Meskipun dalam suasana yang `panas', Zein yang juga exco Pemuda Umno yang mewakili Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dapat menjawab pada tahap yang agak baik berhubung persoalan AUKU. Beliau menjawab dalam bentuk persoalan yang tentunya membawa perenungan mendalam bagi setiap mahasiswa berfikir.

"Benarkah AUKU yang menyebabkan mahasiswa menjadi lesu atau AUKU dipersalahkan sebagai gambaran kelemahan diri? Apakah kegiatan mahasiswa itu sendiri yang menyebabkan mahasiswa lain menjadi lesu? Apakah AUKU yang mencengkam mahasiswa atau mahasiswa itu sendiri yang mencengkam dirinya?"

Zaharuddin yang mendakwa mewakili semua mahasiswa Islam di universiti tempatan berhujah, AUKU tidak memberikan sebarang peluang kepada mahasiswa untuk bergiat aktif, apa lagi dalam politik. Malah dalam banyak hal, katanya, banyak cadangan Gamis tidak diterima oleh pucuk pimpinan tertinggi negara.

Antara kata-kata paling panas yang digunakan apabila Suhaimi mencadangkan supaya GPMS dan Pemuda Umno dijadikan medium untuk mengemukakan masalah kepada pucuk pimpinan tertinggi, Zaharuddin dengan garang berkata:

"Pemuda tidak layak untuk jumpa dengan mahasiswa. GPMS tidak layak berjumpa dengan mahasiswa. Yang layak ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin," katanya sambil ditepuk oleh kebanyakan peserta.

Mustaffa yang berucap dengan nada sama seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak banyak mengemukakan hujah yang asli, sebaliknya banyak menggunakan retorik yang dipinjam daripada Anwar. Dulu, Suhaimi yang dikatakan `adik' Anwar, kini Anwar menjelma pula dalam tubuh Mustaffa.

Mahfuz yang bersetuju dibenarkan mahasiswa berpolitik berpaksikan hujah kepada Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Negara. Menurutnya, untuk mewujudkan pelajar seimbang dan bertakwa, hak kebebasan perlu diberikan kepada pelajar untuk berpolitik.

Malangnya, hujah ilmiah yang baru lagi bersifat asli tidak wujud di pentas menara gading malam itu. Yang ada penuh dengan emosi dan hujah yang biasa didengar atau dibaca dalam akhbar pembangkang.

Malah, tidak salah bagi Naib Canselor UKM, Profesor Datuk Annuar Ali yang turut menyaksikan debat berkenaan merasa kecewa. Kecewa kerana debat itu tidak berlaku dalam suasana ilmiah lagi intelektual, yang berpunca daripada sikap kebanyakan pelajar yang hadir dan mungkin juga berpunca daripada hujah ahli panel.

Dan, jika Kementerian Pendidikan tidak membenarkan debat seperti itu lagi, sebahagian pelajar berkenaan perlu memikul tanggungjawab kepada `kelesuan' mahasiswa akan datang.

(END)